


# MENARA GADING



[FOTO IHSAN PEMBACA]

**Peningkatan jumlah graduan pada setiap istiadat adalah komitmen AeU untuk melestarikan pendidikan jarak jauh.**

## AeU melestarikan pendidikan jarak jauh

➔ 3,600 graduan pelbagai bidang dirai sempena majlis Istiadat Konvokesyen Ke-6 di PWTC

Sejumlah hampir 3,600 graduan dalam pelbagai bidang diraikan dengan gilang-gemilang pada majlis Istiadat Konvokesyen Asia e University (AeU) Ke-6 yang berlangsung di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini, semalam.

Peningkatan jumlah graduan pada setiap istiadat adalah komitmen AeU untuk melestarikan pendidikan jarak jauh bukan hanya ke seluruh pelusuk 34 negara anggota Asia Cooperation Dialogue (ACD) malah juga melangkaui sempadan yang ada.

Istiadat yang berlangsung meriah sejak jam 8 pagi itu menyaksikan peningkatan penerima Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dan Doktor Pentadbiran Perniagaan (DBA). Seramai 16 graduan menerima Ijazah PhD, 1 graduan menerima Doktor Industri (IndD) dan 3 graduan dianugerahkan Ijazah DBA pada tahun ini. Selain ijazah kedoktoran, majlis turut menyaksikan sejumlah 445 graduan menerima Ijazah Sarjana, 1194 graduan menerima Ijazah Sarjana Muda dan 858 graduan dianugerahkan Sarjana Eksekutif, di sepanjang tiga sesi konvokesyen yang berlangsung.

Antara acara kemuncak Majlis Konvokesyen kali ini adalah penganugerahan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) kepada Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Dr Mary Yap Kain Ching,



Pada saya, kunci untuk pengajian PhD adalah bergantung kepada minat dan juga kegigihan. Sepanjang tempoh pengajian saya, keluarga dan rakan-rakan senantiasa memberikan semangat dan sokongan yang kuat”

**Mary Yap Kain Ching,**  
Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi

Beliau mengkaji amalan kepimpinan seorang guru besar dalam memulihkan sebuah sekolah daif tetapi dengan sumber yang terhad bagi menghasilkan tesis bertajuk *Leadership Practices of An Award Winning School in Sarawak, Malaysia*.

Mengenang kembali pengalamannya di AeU, Dr Mary Yap mendapati bahawa daripada pengajian PhD ini kemahiran analitikal beliau lebih terlerah dan telah memperkukuhkan kepercayaan beliau bahawa kepimpinan itu penting.

“Menyambung pengajian ke peringkat PhD adalah impian saya selama ini. Walaupun dimaklumkan ia adalah perjalanan akademik yang sangat sukar, saya kental untuk mengharunginya. Pada saya, kunci untuk pengajian PhD adalah bergantung kepada minat dan juga kegigihan. Sepanjang tempoh pengajian saya, keluarga dan rakan-rakan senantiasa memberikan semangat dan sokongan yang kuat.

“Saya juga bernasib baik kerana mempunyai penyelia yang berpengalaman seperti Prof Dr Siow Heng Loke. Beliau senantiasa memberikan kerjasama dan komitmen yang baik kepada saya.

### Jadi peneraju di rantau ini

“Bagi saya halatuju AeU adalah jelas untuk menjadi peneraju e-pendidikan yang disegani di rantau ini, saya amat kagum dengan kelengkapan perpustakaan digital yang disediakan dan juga barisan akademik yang mempunyai komitmen tinggi,” katanya.

Sementara itu, Anugerah Pengerusi diberikan kepada Ivy Ngu Mei, 30, pelajar program Sarjana Pendidikan yang juga guru subjek Sains dari Sekolah Menengah Sibul, Sarawak, Anugerah Mahani Zainal Abidin menjadi milik Tie Ting Huat, 34,

pelajar program Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dan Anugerah Presiden disampaikan kepada Zubaidah Zaini, 46, pelajar program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pengajaran Bahasa Melayu di Sekolah Rendah) dengan kepujian.

Hadir menyempurnakan majlis penyampaian ijazah pada majlis itu adalah Pengerusi Lembaga Pengarah AeU, Profesor Emeritus Tan Sri Syed Jalaludin Syed Salim. Tetamu kehormat pada Majlis itu adalah Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia, Datuk Seri Idris Jusoh.

### Lebih 500 graduan luar negara

Selain meraikan graduan dari dalam negara, AeU turut menganugerahkan sejumlah lebih 500 ijazah kepada graduan program PhD, Sarjana dan Sarjana Muda dari Bahrain, Bangladesh, Indonesia, India, Maldives, Myanmar, Sri Lanka serta Arab Saudi.

Penganugerahan ini secara langsung membuktikan komitmen dan hala tuju AeU yang jelas dalam menjadi peneraju e-pendidikan yang disegani dan berkualiti.

Majoriti penerima ijazah dari negara luar adalah untuk program Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA), antara program paling popular selain Ijazah Kedoktoran (PhD) dan Sarjana Pendidikan (MEd).

Jumlah graduan dari negara ACD dijangka meningkat setiap tahun berikutan perluasan kerjasama serantau antara AeU dan rakan akademik dari negara Asia serta disokong penerimaan terhadap konsep pendidikan jarak jauh secara e-pembelajaran yang semakin positif di seluruh dunia.

Hal ini disokong penuh oleh graduan dari India, Kapten Rajeev Agrawal. Beliau adalah Master Mariner di MOL LNG Transport (Europe) Limited. Kapten Rajeev yang memulakan pengajian beliau di AeU pada

2014 menerima Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) bersama-sama 198 graduan dari program yang sama hari ini.

Konsep pembelajaran yang diaplikasikan oleh AeU adalah antara faktor yang menarik minat Kapten Rajeev untuk memilih AeU berbanding Institut Pengajian Tinggi lain.

“Program MBA adalah antara program yang paling banyak ditawarkan oleh mana-mana universiti namun apa yang membezakan AeU dengan yang lain, adalah kaedah pembelajaran yang diaplikasikan.

“Kaedah pembelajaran yang semangnnya memudahkan pelajar seperti saya yang bekerja di merata dunia. Ianya amat praktikal, mudah dan fleksibel,” jelas beliau.

### 1149 pelajar PPG terima ijazah

Istiadat pada kali ini juga menyaksikan sejumlah 1149 pelajar Program Pensiswazahan Guru (PPG) ambilan kedua dan ketiga menerima Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan kepujian di bawah tajaan Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kumpulan graduan ini adalah antara sejumlah lebih 3,200 guru dari seluruh pelusuk negara yang memilih AeU sebagai pusat pembelajaran dalam melengkapkan proses menaik taraf tahap pendidikan guru dari Diploma kepada Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dengan kepujian di bawah tajaan Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Demi merealisasikan visi dan misi kerajaan untuk meningkatkan mutu pendidikan di sekolah, AeU memberi sepenuh komitmen dengan menyediakan lokasi dan kemudahan akses bahan pembelajaran kepada guru-guru yang terbahit termasuk di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak.